

23 MAR, 2022

KL, Hanoi tingkat kerjasama industri halal

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

KL, Hanoi tingkat kerjasama industri halal

Malaysia sedia tawar produk perbankan Islam di Vietnam

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia bersedia menawarkan produk perbankan Islam untuk mempromosi dan mengembangkan ekosistem industri halal di Vietnam, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, Malaysia turut melihat potensi kerjasama halal dengan Vietnam itu boleh dikembangkan dalam peluang membekalkan makanan halal semasa Sukan SEA 2021 yang akan dihoskan negara itu pada Mei ini.

Katanya, ia berikutan Vietnam menyatakan minat untuk meningkatkan kerjasama dengan Malaysia dalam membangunkan industri halal mereka.

"Malaysia sedia menawarkan kepakaran dan khidmat nasihat

kepada Vietnam, termasuk syarikat Vietnam yang berminat, malah kerjasama ini sudahpun bermula.

"Dalam hal ini, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan memastikan Pembangunan Industri Halal (HDC) Malaysia mengambil tindakan susulan yang sewajarnya," katanya dalam nota percakapan sidang media pada hari terakhir lawatan rasminya ke Vietnam, yang dikeluarkan di sini semalam.

Ismail Sabri yang mengadakan lawatan rasmi sulung beliau selaku Perdana Menteri ke negara itu sejak 20 Mac lalu, turut menengus isu pencerobohan nelayan Vietnam dan meminta kerajaan negara itu mengambil langkah konkrit mengatasinya selepas Malaysia menyatakan kegusaran berhubung perkara terbabit.

Apatah lagi, beliau berkata, kebelakangan ini, terdapat tindakan agresif dan provokatif nelayan Vietnam terhadap penguat kuasa maritim dan juga nelayan Malaysia dalam perairan negara.

"Ini berkait rapat dengan isu dan aktiviti perikanan, iaitu menangkap ikan secara haram,

tidak dilaporkan serta tidak terkawal dalam perairan Malaysia. Aktiviti sedemikian menjejaskan aktiviti perikanan dan mata pencarian nelayan Malaysia," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri memaklumkan, Malaysia bersetuju membekalkan 300,000 tong petroleum RON95 kepada Vietnam dengan mengambil kira kerjasama baik antara kedua-dua negara selepas Vietnam mengemukakan permintaan bekalan petroleum dan gas tambahan dari Malaysia.

"Dalam hal ini, mengambil kira kerjasama baik Malaysia dan Vietnam selain bagi kepentingan industri petroleum dan gas Malaysia, kita bersetuju sebagai langkah permulaan untuk membekalkan 300,000 'barrel' petroleum (RON95) kepada Vietnam," katanya.

Mengenai dagangan kedua-dua negara, Ismail Sabri berkata, Malaysia dan Vietnam bersetuju menetapkan sasaran lebih tinggi berbanding AS\$18 bilion (RM75 bilion) menjelang 2025.

"Saya berkongsi pandangan bahawa nilai sasaran ini (AS\$18 bilion) masih kecil berbanding potensi besar yang dimiliki Malaysia dan Vietnam, mengambil ki-

ra nilai dagangan global Malaysia yang melepasi RM2 trilion (AS\$477 bilion) sementara nilai dagangan global Vietnam hampir mencecah AS\$650 bilion," katanya.

Beliau berkata, Vietnam adalah rakan dagang keempat terbesar Malaysia dalam ASEAN serta ke-11 di peringkat global dan pada 2021, perdagangan dua hala bernilai AS\$16.7 bilion (RM70 bilion) di mana ia adalah peningkatan memberangsangkan sebanyak 41.6 peratus berbanding 2020.

"Persefahaman sudah dicapai supaya Mesyuarat Keempat Jawatankuasa Perdagangan Bersama diadakan dalam masa terdekat bagi menetapkan hala tuju sasaran perdagangan dua hala Malaysia dan Vietnam, selain meneliti hasrat Vietnam untuk mencapai keseimbangan dagangan dengan Malaysia," katanya.

Dalam aspek pelaburan, Malaysia mengadakan kolaborasi strategik di antara Institut Automotif, Robotik dan Internet Kibandaan (IoT) Malaysia (MARii) dan FPT Software Vietnam untuk membangunkan Pusat Kecemerlangan Industri Masa Depan (Co-EFI) bernilai hampir RM100 juta dalam bidang automotif, *Connec-*

ted Mobility, Robotik, IoT dan pendigitalan.

"Malaysia juga menjemput pelabur Vietnam meningkatkan pelaburan, antaranya melalui pendigitalan, pembuatan bijak dan keselamatan siber.

"Saya turut menyambut baik dan berterima kasih kepada FPT Software yang amat komited untuk melatih 1,000 tenaga kerja Malaysia dalam pembangunan dan kejuruteraan perisian bermula tahun ini di Kuala Lumpur dan Sabah," katanya.


Pelaburan Malaysia di Vietnam bernilai AS\$13 bilion di mana negara itu adalah pelabur asing kesembilan terbesar di peringkat global dan kedua di peringkat ASEAN.

Lawatan rasmi sulung Perdana Menteri ke Vietnam itu mencerminkan kepentingan hubungan dua negara jiran dan rakan kongsi dalam ASEAN, dengan kedua-dua negara bakal menyambut ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik pada 2023.

Ismail Sabri berkata, bagi memperingati ulang tahun itu, beliau turut mencadangkan pertukaran lawatan peringkat tertinggi negara, yang akan dimulai lawatan negara Presiden Vietnam, Nguyen Xuan Phuc ke Malaysia dalam tahun ini.



Ismail Sabri bersama Mohamed Azmin dan Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah pada sidang media bersama wartawan Malaysia pada hari terakhir lawatan rasminya ke Vietnam, semalam. (Foto BERNAMA)



23 MAR, 2022

KL, Hanoi tingkat kerjasama industri halal

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Ismail Sabri bersama Mohamed Azmin dan Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah pada sidang media bersama wartawan Malaysia pada hari terakhir lawatan rasminya ke Vietnam, semalam. (Foto BERNAMA)

Malaysia sedia tawar produk perbankan Islam di Vietnam

Kuala Lumpur: Malaysia bersedia menawarkan produk perbankan Islam untuk mempromosi dan mengembangkan ekosistem industri halal di Vietnam, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.